



**PERTANDINGAN MENULIS ESEI SEMPENA
NATIONAL STANDARDS OLYMPIAD 2020
ANJURAN JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**MAKLUMAT AM, SYARAT-SYARAT PENYERTAAN DAN FORMAT
PERTANDINGAN**

- i. Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan. Fungsi utama Standards Malaysia adalah untuk membangun dan mempromosikan Malaysian Standards serta memberikan perkhidmatan akreditasi kepada badan-badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pemeriksa dan badan pensijilan.
- ii. Pertandingan Menulis Esei ini merupakan salah satu aktiviti di bawah *Education About Standardisation (EAS)* kelolaan Jabatan Standard Malaysia. EAS merupakan sebuah Program Pembudayaan Standard dan Kualiti di Kalangan Generasi Muda yang telah dijalankan oleh Jabatan sejak tahun 2008.
- iii. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar di peringkat Sekolah Menengah (tingkatan 1 hingga 5) yang mempunyai idea kreatif, pandangan dan penceritaan tentang bagaimana pengetahuan berkaitan standardisasi dapat mempengaruhi kehidupan seharian serta membantu meningkatkan kualiti hidup serta kelestarian dunia. Program ini juga bertujuan untuk memupuk pemahaman dan kesedaran kepada generasi muda dalam bidang standardisasi negara.
- iv. Jabatan Standard Malaysia merupakan penganjur bagi pertandingan ini dengan sokongan dan kerjasama Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- v. Bersempena penganjuran pertandingan menulis esei ini juga, teknik pengucapan umum (*Presentation Skills*) juga akan dinilai menerusi pembentangan penulisan esei tersebut melalui rakaman video yang akan disertakan semasa penyertaan. Teknik pengucapan umum ini merupakan nilai tambah dalam permarkahan pertandingan ini bagi memastikan penilaian dapat dijalankan secara menyeluruh serta mengikut spesifikasi penilaian pertandingan peringkat antarabangsa.

SYARAT – SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada murid **Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sahaja** dan penyertaan adalah **percuma**.
2. Pertandingan ini terbuka kepada 2 kategori:
 - i) Kategori Menengah Rendah (13 - 15 tahun)
 - ii) Kategori Menengah Atas (16 - 17 tahun)
3. Setiap kumpulan mestilah terdiri daripada **tiga (3) orang murid dan seorang (1) guru penasihat / pengiring**.
4. Guru penasihat tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam pertandingan ini dan hanya murid sahaja yang akan menyelesaikan segala tugas yang diberikan dengan bimbingan guru penasihat.
5. Setiap sekolah boleh menghantar **lebih dari satu (1) penyertaan** dengan keanggotaan ahli kumpulan yang berbeza.
6. Tarikh akhir penyertaan adalah pada **31 Mac 2020 (sebelum jam 6.00 petang)**. Penyertaan yang diterima selepas waktu tersebut tidak akan diambil kira.
7. Setiap penyertaan perlu menghantar dokumen-dokumen berikut ke alamat emel **standardsedu@jsem.gov.my**:
 - i. Satu (1) salinan borang penyertaan (Lampiran 1);
 - ii. Penulisan esei yang lengkap mengikut format;
 - iii. Pautan video yang dimuat naik; dan
 - iv. Surat sokongan yang ditandatangani oleh Pengetua sekolah. (Lampiran 2)

Penyertaan dianggap diterima dan sah hanya jika menerima email balas daripada pihak urus setia. Penyertaan yang tidak mempunyai maklumat yang lengkap seperti di atas tidak akan dipertimbangkan dan dianggap tidak sah.

- v. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan penghantaran atau penyertaan yang hilang.
- vi. Penyertaan yang dikemukakan akan disemak oleh Jawatankuasa Penilaian Pertandingan Menulis Esei, *National Standards Olympiad 2020* dan penyertaan yang layak sahaja yang akan dipertandingkan.

- vii. Setiap penyertaan yang telah dihantar tidak akan dikembalikan kepada peserta dan pihak Penganjur berhak untuk mencetak atau menerbitkan semula semua penyertaan yang diterima.
- viii. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** dari tarikh tutup penyertaan. Peserta dianggap tidak memenangi sebarang hadiah sekiranya tidak menerima sebarang pemakluman selepas tempoh tersebut.
- ix. Keputusan panel hakim adalah muktamad dan sebarang rayuan/surat-menyurat mengenainya tidak akan dilayan.

TUGASAN PERTANDINGAN

In general, standardisation is a process to develop formulation, publication and implementation of guidelines, rules as well as specifications for common and repeated use, aimed at achieving optimum degree of order or uniformity in each context, discipline or field.

*Read more about the **Standardisation Aims**; it been used to assist broad range of users to protect their interest. [Click here to read more.](#)*

Tugasan 1: Essay Writing

Problem Statement: *Discuss on **how non-standardisation has led to inconvenience** in everyday life and give **solutions based on standardisation perspective.***

*Topic discussion can be chosen based on the categories below. **(Choose one category only)***

- i. *Standards for disabled people and elderly*
- ii. *Smart City*
- iii. *E- Commerce*
- iv. *Public Transport System*
- v. *Tourism*
- vi. *Household Appliances*

Tugasan 2: Video Presentation

- *Explanation about your solutions (from task 1) in video presentation.*

FORMAT PENULISAN ESEI

- i. Esei hendaklah ditulis dalam **Bahasa Inggeris**.
- ii. Esei yang ditulis hendaklah **melebihi 1,500 patah perkataan** serta tidak melebihi 5,000 patah perkataan.
- iii. Setiap Esei menggunakan fon ***Arial bersaiz 12, double spacing***, dan ***bermuka surat***. Dokumen mestilah dihantar dalam dua (2) bentuk format; iaitu ***PDF dan Microsoft Word***.
- iv. Muka hadapan dan header setiap dokumen penulisan Esei adalah seperti di **Lampiran 3**.
- v. Setiap kumpulan perlu menyelesaikan semua soalan yang diberikan mengikut kategori masing-masing.
- vi. Setiap kumpulan perlu memberikan penerangan yang jelas termasuk boleh mengemukakan gambarajah / lakaran / model yang bersesuaian di dalam setiap penulisan.
- vii. Esei yang ditulis mestilah hasil penulisan sendiri, belum pernah disiarkan oleh mana-mana penerbitan dan bukannya ditiru/diciplak. Karya ciplak, plagiat atau terjemahan tidak akan diterima.

FORMAT VIDEO PEMBENTANGAN

- i. Setiap penyertaan juga perlu menghantar sebuah video pembentangan (Tugasan 2) berdurasi **tidak lebih daripada lima (5) minit** (termasuk pembukaan, penutupan dan kredit video).
- ii. Kandungan di dalam video tersebut mestilah menggunakan **Bahasa Inggeris** sahaja.
- iii. Rakaman boleh menggunakan peralatan merakam seperti telefon pintar atau perakam video untuk menghasilkan video di mana penggunaan elemen lakonan, *Power Point* atau unsur-unsur lain berdasarkan kreativiti masing-masing adalah dibenarkan.
- iv. Pembentangan boleh dilakukan oleh wakil ahli kumpulan sahaja atau kesemua ahli kumpulan, bergantung kepada kreativiti pasukan.

- v. Kandungan video mestilah tidak menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik.
- vi. Setiap video yang dihasilkan mestilah merupakan hasil karya sendiri dan karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan.
- vii. Format video yang ditetapkan adalah **MP4 dengan resolusi minima video 720p.**
- viii. Rakaman video tersebut perlulah di muat naik di platform berikut; *Google Drive/ We Transfer/ Dropbox* atau mana-mana platform yang boleh di akses. Link video tersebut mestilah disertakan bersekali semasa penghantaran dokumen penyertaan.

KRITERIA PEMARKAHAN

Kriteria penilaian dan pemarkahan bagi pertandingan penulisan esei dan video yang dihantar adalah seperti berikut:

Kriteria	Markah (%)	Penerangan
Pemahaman	30	Pemahaman pasukan terhadap kepentingan standardisasi
Kelogikan	25	Cadangan yang diberikan adalah logik dan bernas
Keaslian	20	Cadangan dan idea yang diberikan adalah hasil usaha dan idea pasukan
Kebolehlaksanaan	15	Cadangan yang diutarakan mampu untuk dilaksanakan
Keupayaan komunikasi (Rakaman Video)	10	Keupayaan berkomunikasi dengan yakin, tepat dan jelas

Pemarkahan bagi Tugas 1 adalah 90% dan Tugas 2 adalah 10%

HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah Wang Tunai serta Trofi/Plak akan diberikan kepada 3 kumpulan pemenang mengikut kategori. Semua peserta pertandingan juga akan menerima sijil penyertaan daripada penganjur.

- i. Hadiah Pertama : RM 3,000.00 + Trofi/Plak + Sijil Penyertaan
- ii. Hadiah Kedua : RM 2,000.00 + Trofi/Plak + Sijil Penyertaan
- iii. Hadiah Ketiga : RM 1,000.00 + Trofi/Plak + Sijil Penyertaan

LAIN – LAIN PERKARA

1. Pertandingan Menulis Esei ini diiktiraf sebagai penyertaan para murid di peringkat Kebangsaan.
2. Markah yang diperolehi oleh setiap kumpulan adalah sulit dan tidak akan dimaklumkan kepada mana-mana pihak.
3. Sebarang implikasi masa, kewangan dan lain-lain yang berkaitan dalam menyiapkan tugas pertandingan ini adalah di bawah tanggungjawab pihak sekolah. Pihak sekolah haruslah sentiasa mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang persiapan penulisan esei ini.
4. Hasil daripada pertandingan ini, pemenang utama bagi setiap kategori menengah rendah dan menengah atas akan dipilih oleh Standards Malaysia untuk mewakili Malaysia ke pertandingan *International Standards Olympiad* 2020 yang direncanakan akan diadakan di Korea Selatan. Namun begitu penyertaan di peringkat antarabangsa ini **adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dan makluman rasmi** hanya akan melalui Jabatan Standard Malaysia sahaja.
5. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Cik Nur Syafinaz Rosman (03-8008 2802) atau Cik Nur Amanina Ishak (03-8008 2915).



BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENULIS ESEI SEMPENA
NATIONAL STANDARDS OLYMPIAD 2020

NAMA SEKOLAH: _____

MAKLUMAT GURU PENASIHAT	
NAMA GURU	:
NO. KAD PENGENALAN	:
JAWATAN/GRED	:
NO. TELEFON	:
ALAMAT EMEL	:
MAKLUMAT PELAJAR	
1) NAMA MURID	:
NO. KAD PENGENALAN	:
2) NAMA MURID	:
NO. KAD PENGENALAN	:
3) NAMA MURID	:
NO. KAD PENGENALAN	:

Perakuan:

Dengan ini saya mengaku bahawa:

- i. Semua butiran yang diberikan di atas adalah benar.
- ii. Penyertaan yang di hantar adalah asli, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media penerbitan. Saya juga bersetuju mematuhi semua syarat yang dikenakan serta menerima segala keputusan dari pihak penganjur berhubung dengan pertandingan ini.

(Tandatangan Guru Penasihat)

(Tarikh)

**BORANG KEBENARAN PENYERTAAN KE PERTANDINGAN MENULIS ESEI
SEMPENA NATIONAL STANDARDS OLYMPIAD 2020
ANJURAN JABATAN STANDARD MALAYSIA**

Kepada,

Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia
Aras 4-7, Menara 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya

Tuan,

**KEBENARAN PENYERTAAN GURU & MURID SEKOLAH KE PERTANDINGAN
MENULIS ESEI SEMPENA NATIONAL STANDARDS OLYMPIAD 2020**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, saya selaku pengetua _____
_____ menyokong penyertaan guru
dan murid-murid saya dalam pertandingan tersebut.

3. Dimaklumkan jua bahawa pihak Sekolah sedia maklum dan tiada halangan
untuk pihak Tuan mengadakan program/aktiviti susulan yang berkaitan dengan
pertandingan tersebut selagi perkara-perkara tersebut dipatuhi:

- 3.1 Tiada unsur-unsur paksaan
- 3.2 Mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga murid
- 3.3 Memastikan keselamatan dan kebajikan murid terjaga

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(Cop & Tanda Tangan Pengetua)

FORMAT HEADER DOKUMEN PENULISAN ESEI

Contoh Header di setiap muka surat
Ruang Kanan (Atas) - Bold
Font - Arial
Saiz - 8

*PERTANDINGAN MENULIS ESEI,
NATIONAL STANDARDS OLYMPIAD 2020
SASER, MENENGAH RENDAH*

*NAMA PERTANDINGAN
SINGKATAN NAMA SEKOLAH, KATEGORI*

FORMAT MUKA HADAPAN DOKUMEN PENULISAN ESEI

**PERTANDINGAN MENULIS ESEI
NATIONAL STANDARDS OLYMPIAD
2020**

TAJUK:
FONT ARIAL,14



LAMBANG/
LENCANA
RASMI
SEKOLAH
&
NAMA
PENUH

**SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU MUNAWIR
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

NAMA KUMPULAN: _____

KATEGORI : _____

NAMA GURU PENASIHAT	NO.KAD PENGENALAN
NAMA MURID	NO. KAD PENGENALAN